



(68)

## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

### MAJLIS PENYERAHAN MASJID BANDAR RAYA

PUTRAJAYA – Satu lagi mercu tanda akan muncul di Putrajaya dengan siapnya Masjid Bandar Raya di Presint 3 yang boleh memuatkan 20,000 orang jemaah.

Salah satu ciri utama masjid yang berkonsep kontemporari seiring dengan rekabentuk modennya adalah lapisan luar Mashrabiah masjid yang diperbuat dari fabrik anyaman besi tahan karat (*Architectural Wire Mesh*) yang mempunyai ciri '*transparent*' di mana cahaya dan angin boleh menembusi *wire mesh* tersebut untuk memberi keselesaan kepada pengguna.

Mempunyai jejantas yang dikenali sebagai 'Kiblat Walk' yang menghubungkan Dataran Putrajaya dengan Masjid, pengunjung akan melalui 'Iwan Utama' di mana terdapat kaligrafi nama-nama Allah di kiri kanan dinding 'Iwan Utama' tersebut, seterusnya melalui ruang 'Sahn' sebelum sampai ke Ruang Solat Utama. Turut dihasilkan ialah tulisan ayat-ayat al-Quran yang dilakar pada "Glass Panel" di dinding Mihrab.

Majlis penyerahan Masjid Bandar Raya kepada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abd Aziz telah disempurnakan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Samsudin Osman dalam satu majlis ringkas pada 20 Ogos 2009.

Keunikan masjid yang dibina dengan kos RM203 juta ini ditambah dengan terdapatnya kolam bertingkat megelilingi bangunan masjid

sebagai kesinambungan tasik memandangkan lokasi bangunan yang terletak di tepi tasik.

Pembangunan Masjid Bandar Raya ini telah dimulakan pada April 2004 bagi menampung keperluan kakitangan kerajaan serta penduduk di kawasan Nusa Perdana (*Core Island*) Putrajaya iaitu Presint 2, 3, 4 dan 18. Adalah dijangka sejumlah lebih kurang 23,633 kakitangan kerajaan akan menggunakan fasiliti Masjid ini apabila kesemua parcel Pejabat Kerajaan Pusat Bandar dibangunkan kelak.



**ZAHARAH SALAMAT**  
**Timbalan Pengarah Perhubungan Awam**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 13 Ogos 2009

---

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA  
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013